

03 SEP 1998

Anwar-MT

ANWAR TURUT HADIRI MESYUARAT MT MALAM INI

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Majlis Tertinggi (MT) Umno mula bermesyuarat malam ini dan turut dihadiri oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucut jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba pukul 8.05 malam untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, dijangka memaklumkan kepada MT sebab-sebab tindakan pelucutan jawatan Anwar dalam kerajaan pada mesyuarat itu yang dijangka menentukan kedudukan Anwar dalam parti itu.

Anwar, 51, yang berkata petang ini bahawa ada pakatan peringkat tertinggi untuk menjatuhkan beliau, tiba pada pukul 8.33 malam dan terus menaiki lif ke tingkat 39 Bangunan Menara Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Ratusan penyokongnya yang yang berkumpul di perkarangan lobi PWTC menyambut ketibaannya dengan melaungkan "Hidup Anwar" dan "Keadilan Untuk Anwar".

Kawalan keselamatan ketat tetapi keadaan aman dan terkawal.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor, Setiausaha Agung Datuk Sabbaruddin Chik dan Bendahari Tun Daim Zainuddin turut hadir. Daim tiba kira-kira pukul 8.25 malam.

Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman juga hadir.

Seorang lagi Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak hadir kerana sedang dalam tugas rasmi di Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali (NAM) di Afrika Selatan.

-- BERNAMA

TEAM KHY